

**PROSEDUR PERMOHONAN  
ETIKA PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1. Proses Permohonan Kelulusan Etika Penyelidikan
  - 1.1 Setiap permohonan etika penyelidikan perlu dihantar terus ke Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi oleh penyelidik tanpa perlu melalui fakulti/Institut/Pusat selewat-lewatnya 21 hari (1hb pada setiap bulan) sebelum tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Etika Penyelidikan (JKEPU).
  - 1.2 Permohonan akan dimajukan kepada dua (2) orang ahli panel saintifik yang dilantik oleh Pengerusi untuk membuat penilaian. Proses ini mengambil masa tidak melebihi tujuh (7) hari.
  - 1.3 Setelah selesai proses penilaian, pengerusi memaklumkan keputusan kepada pihak sekretariat untuk tindakan selanjutnya.
  - 1.4 Pihak sekretariat akan menghantar keputusan melalui e-mel. Tindakan yang perlu diambil mengikut keputusan adalah seperti berikut:
    - i. Diperakukan – permohonan akan dimajukan ke dalam Mesyuarat JKEPU untuk semakan ahli jawatankuasa yang lain.
    - ii. Diperakukan dan bentang – penyelidik diminta untuk membentangkan penyelidikan dalam Mesyuarat JKEPU. Penyelidik diminta untuk menghantar pindaan beserta slide pembentangan selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat diadakan.
    - iii. Pinda dan hantar semula – penyelidik diberi tempoh tujuh (7) hari untuk menghantar pindaan, bagi membolehkan penilaian kelulusan dibuat pada bulan yang sama. Sekiranya penyelidik tidak dapat melengkapkan pindaan dalam tempoh tujuh (7) hari, penyelidik diberi tempoh maksimum selama enam puluh (60) hari. Pindaan akan disemak semula oleh ahli panel saintifik yang dilantik dan sekiranya terdapat komen yang tidak diambil tindakan, pindaan akan dikembalikan semula kepada penyelidik untuk pindaan kali kedua. Proses semakan pindaan mengambil masa tidak melebihi tujuh (7) hari.
    - iv. Tiada pindaan diterima dalam tempoh yang telah ditetapkan – Pihak sekretariat akan mengeluarkan surat pembatalan permohonan kepada penyelidik dan diedarkan (s.k) juga kepada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut.
  - 1.5 Bagi penyelidikan yang telah diperakukan oleh ahli panel saintifik yang dilantik, permohonan akan dimajukan ke dalam Mesyuarat JKEPU untuk semakan ahli yang lain dan kelulusan. Tarikh kelulusan akan dikira dari tarikh mesyuarat berkenaan dan surat kelulusan akan dikeluarkan dalam tempoh 5 hari dari tarikh Mesyuarat JKEPU.

- 1.6 Keputusan mesyuarat akan diedarkan kepada penyelidik dalam tempoh 5 hari dari tarikh Mesyuarat JKEPU. Keputusan mesyuarat akan diedarkan kepada penyelidik melalui e-mel. Perkara yang perlu diambil tindakan oleh penyelidik selepas keputusan mesyuarat diedarkan adalah seperti berikut:-
- i. Lulus – Surat Kelulusan Etika Penyelidikan dikeluarkan kepada penyelidik dengan salinan kepada kepada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut. Surat kelulusan akan dikeluarkan dalam tempoh 5 hari dari tarikh Mesyuarat JKEPU.
  - ii. Lulus dengan pindaan – Penyelidik diberi tempoh tidak melebihi 60 hari dari tarikh Mesyuarat JKEPU untuk mengemukakan pindaan. Sekiranya:
    - Tiada pindaan diterima dalam tempoh yang telah ditetapkan – Pihak sekretariat akan mengeluarkan surat pembatalan permohonan kepada penyelidik dan diedarkan (s.k) juga kepada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut.
    - Pindaan diterima – Pihak sekretariat akan memajukan pindaan kepada ahli panel saintifik yang dilantik untuk semakan semula. Sekiranya ahli panel saintifik meluluskan pindaan tersebut, surat kelulusan akan dikeluarkan dalam tempoh 5 hari dari tarikh kelulusan Jawatankuasa Semakan. Sekiranya pindaan tidak menepati keputusan mesyuarat, Jawatankuasa Semakan akan meminta penyelidik untuk menghantar semula pindaan.
  - iii. Tidak lulus – Penyelidik diberi tidak melebihi tempoh 60 hari untuk membuat rayuan kepada Mesyuarat JKEPU menerangkan berkenaan komen yang telah diberikan dan menyertakan bersama bukti yang boleh mengukuhkan lagi permohonan. Sekiranya tiada rayuan dibuat dalam tempoh berkenaan, pihak sekretariat akan mengeluarkan surat pembatalan permohonan kepada penyelidik dan diedarkan (s.k) juga kepada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut.
2. Proses Permohonan Kelulusan Pindaan/Perubahan/Pertimbangan JKEPU setelah Surat Kelulusan Etika Penyelidikan Dikeluarkan
- 2.1 Penyelidik perlu membuat permohonan kepada JKEPU untuk sebarang pindaan/perubahan/pertimbangan dengan melengkapkan borang pindaan. Borang perlu dikemukakan kepada pihak sekretariat selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh Mesyuarat JKEPU.

- 2.2 Permohonan akan dimajukan ke dalam Mesyuarat JKEPU untuk pertimbangan ahli mesyuarat.
- 2.3 Keputusan mesyuarat akan dimaklumkan melalui surat dalam tempoh 14 hari dari tarikh Mesyuarat JKEPU. Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:
- i. Lulus – Surat kelulusan pindaan/perubahan/pertimbangan akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh Mesyuarat JKEPU.
  - ii. Tidak lulus – Surat tidak meluluskan akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh Mesyuarat JKEPU.
  - iii. Lulus dengan pindaan – Penyelidik diberi tempoh tidak melebihi 60 hari dari tarikh Mesyuarat JKEPU untuk mengemukakan pindaan. Pindaan akan disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Semakan. Sekiranya tiada pindaan diterima dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan pindaan akan terbatal.
3. Melaporkan Peristiwa Di luar Jangkaan (*Adverse Event*)
- 3.1 Penyelidik perlu melaporkan sebarang peristiwa luar jangkaan seperti kematian subjek kajian dan pelepasan tanpa sengaja *living modified organism* (LMO) ke persekitaran.
- 3.2 Melaporkan peristiwa di luar jangkaan kepada JKEPU dan pihak berkuasa yang berkaitan dengan segera.
4. Bayaran Permohonan Kelulusan Etika Penyelidikan
- 4.1 Setiap permohonan etika penyelidikan akan dikenakan bayaran proses dan perkhidmatan profesional. Kadar bayaran proses dan perkhidmatan profesional adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Pemohon</b>	<b>Kadar Bayaran yang dikenakan (RM)</b>
1.	Institusi luar	1000.00
2.	Institusi luar melalui penyelidik bersama di UPSI	500.00
3.	Pensyarah	Tiada caj
4.	Pelajar pasca siswazah	Tiada caj
5.	Pelajar pra siswazah	Tiada caj